NO. SOALAN: 32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]**
TARIKH	:	**28 NOV 2017**
RUJUKAN	:	**10380**

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

(a) apakah status penyiasatan kes tembakan ke atas pemandu mantan Peguam Negara Tan Sri Abdul Ghani Patail; dan

(b) adakah mana-mana individu telah ditangkap dan ditahan lanjutan daripada tembakan tersebut dan jika telah ditangkap, adakah individu itu akan didakwa, jika tidak ditangkap dan didakwa, mengapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

(a) PDRM masih menjalankan siasatan berkait Repot Pandan Indah/15406/2017 bertarikh 29 Ogos 2017 mengenai satu kejadian melepaskan tembakan di Taman Putra, Ampang melibatkan mangsa seorang pemandu peribadi kepada bekas Peguam Negara.

(b) Sehingga kini belum ada tangkapan dibuat kerana PDRM masih mengumpul maklumat dan petunjuk bagi mengesan suspek yang terlibat serta mengenal pasti motif tembakan tersebut.

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]**
TARIKH	:	**28 NOVEMBER 2017 (SELASA)**
SOALAN	:	**33**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan bilakah projek menaiktaraf jalan tar jalanraya ke kampung Skim Pamalan sejauh 2.3 km dan jalanraya ke Kampung Padang Tembak di Daerah Keningau sejauh 3.2 km yang telah diluluskan semasa lawatan YB Menteri pada tahun 2016 akan dilaksanakan.

65

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, kedua-dua permohonan bagi pelaksanaan cadangan projek ini iaitu Projek Jalan Masuk Kampung Pamalan, Keningau, Sabah dan Projek Jalan Padang Tembak Tanah Merah ke Minsusud, Keningau, Sabah telah dikemukakan oleh Kementerian ini kepada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 28 NOVEMBER 2017

SOALAN : 34

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah air laut pasang besar yang kerap menenggelamkan sebahagian daripada kawasan Terminal Feri Kuala Kedah.

67

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja pergerukan dijalankan di Terminal Feri Kuala Kedah bertujuan mendalamkan alur pelayaran bagi menampung kapasiti air lebih tinggi dan menghalang mendapan daripada berlaku. Dalam konteks ini, kerja-kerja pergerukan di Terminal Feri Kuala Kedah telah dilaksanakan dari Oktober 2015 hingga Julai 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM24.9 juta bagi mengatasi masalah mendapan yang sering berlaku di jeti tersebut. Jabatan Laut Malaysia sentiasa komited dalam memastikan keselamatan alur pelayaran di jeti-jeti utama adalah di tahap maksimum dengan melaksanakan kerja-kerja pergerukan secara berkala.

Kerajaan dalam pada itu telah meluluskan peruntukan sebanyak RM208.9 juta pada tahun 2017 bagi projek menaiktaraf Terminal Feri Kuala Kedah termasuk menaiktaraf sistem perparitan yang baik dan efisien.